

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UPACARA PERASMIAN KILANG HUALON CORPORATION (M) SDN. BHD.

TEMPAT: TANGGA BATU, MELAKA

TARIKH: 16 APR 1992

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kumpulan Hualon Corporation kerana menjemput saya merasmikan pembukaan Kilang induknya pada pagi ini. Saya difahamkan Hualon kini merupakan antara pengeluar tekstil yang terbesar di Malaysia. Penubuhan kilang ini, telah meletakkan Hualon Corporation sebagai sebuah syarikat Taiwan yang terbesar di Malaysia.

2. Saya juga difahamkan bahawa keputusan Hualon untuk membuka sebuah kilang baru di sini adalah sebahagian daripada matlamat jangka panjangnya di samping menyahut seruan Kerajaan Melaka untuk menjadikan Melaka sebuah negeri perindustrian menjelang tahun 2005. Kerajaan Persekutuan menyokong usaha ini. Saya yakin matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Melaka sebagai tapak mengusahakan kilang kain/tekstil yang terbesar adalah bijak dan sesuai dengan kestabilan politik serta pembangunan ekonomi dan sosial negeri Melaka.

3. Tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia mempunyai rangkaian infrastruktur yang baik dan mampu membantu memesatkan pembangunan industri seperti industri kain/tekstil Hualon ini. Kita bersyukur keadaan politik yang begitu stabil telah berjaya menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini. Di samping itu dasar-dasar Kerajaan yang "flexible" dan "consistent" telah berjaya bukan sahaja mengekal pelabur-pelabur asing yang telah menanam modal berpuluh-puluh tahun di negara ini, tetapi juga menarik pelabur-pelabur baru.

4. Pelaburan Hualon sebanyak \$300 juta ringgit ke atas kilang ini sudah tentu akan dapat mempertingkatkan proses perindustrian kita, terutama di bidang perkilangan. Adalah diharapkan kilang ini mampu menjadikan Malaysia salah sebuah pengeksport kain/tekstil yang terbesar di dunia kelak. Ini akan mempunyai "spill-over effect" daripada segi perwujudan peluang pekerjaan, dan seterusnya menaikkan kualiti hidup rakyat sekalian.

5. Saya merasa bangga kerana Syarikat Hualon akan menubuhkan satu lagi kilang tekstil di Kawasan Perindustrian Nilai di Negeri Sembilan yang akan mengeluarkan "polyester filament yarn" dan "filament fabrics". Jumlah pelaburan

Syarikat Hualon di kedua-dua kilang ini adalah lebih daripada satu billion ringgit. Saya difahamkan Syarikat Hualon bercadang menambah pengeluaran teksil ini dengan menerajui "air-jet woven fabrics", "knitted fabrics" dan lain-lain.

6. Pelaburan yang begitu besar diiringi dengan rancangan pembesaran dalam jangkamasa yang pendek mencerminkan keyakinan Syarikat Hualon kepada kedudukan negara ini sebagai negara yang "viable" daripada segi mempunyai "industrial base" yang kukuh. Juga negara ini adalah tempat di mana barangan perindustrian boleh dikeluarkan secara "competitive" bagi jualan di pasaran antarabangsa.

7. Adalah diharapkan bahawa pelaburan asing akan terus meningkat supaya usaha kita menjadi sebuah negara maju tidak terjejas. Dalam hal ini saya merasa bangga kerana sektor perkilangan adalah satu-satu tarikan bagi pelabur-pelabur asing. Jumlah pelaburan yang diluluskan di sektor perkilangan telah meningkat dengan begitu pesat sekali. Contohnya pelaburan modal asing meningkat sekali ganda tiap-tiap tahun, iaitu daripada \$2,060 juta ringgit pada tahun 1987, kepada \$4,878 juta ringgit pada tahun 1988. Pada tahun 1989, jumlahnya ialah \$8,653 juta ringgit. Pada tahun 1991 pula jumlah pelabur asing ialah hampir \$16 ribu juta ringgit.

8. Saya yakin bahawa pihak berkuasa tempatan, badan-badan berkanun dan juga sektor swasta di negeri Melaka akan bergabung usaha dan tenaga dalam menjadikan Melaka sebuah negeri perindustrian satu kenyataan. Saya juga yakin Hualon dan pihak Kerajaan, serta penduduk Malaysia akan terus bekerjasama bagi mencapai pembangunan yang akan memberi faedah kepada semua.

9. Kejayaan Malaysia menarik pelaburan pesat dalam industri perkilangan bukanlah tidak bermasalah. Sementara kita belum lagi menjadi negara industri sepenuhnya bilangan pekerjaan kita sudah berkurangan untuk menampung keperluan tenaga pekerja. Apakah kerana kekurangan pekerja ini maka proses perindustrian kita harus ditangguhkan?

10. Malangnya jika kita tangguhkan maka kita tidak akan menjadi sebuah negara industri. Justeru itu, kita perlu sesuaikan strategi kita.

11. Sekarang tumpuan kita ialah kepada industri yang kurang menggunakan tenaga manusia, iaitu industri modal besar yang menggunakan teknologi tinggi. Tetapi untuk menjayakan industri "high-tech capital intensive" ini, kita perlu kepada pekerja yang berpelajaran lebih tinggi dengan kemampuan teknikal yang juga tinggi. Ini bermakna bahawa pekerja Malaysia mestilah sanggup bersabar sementara mendapat latihan yang sesuai. Namun, mereka tidak akan rugi kerana upah mereka tetap akan meningkat.

12. Jika pekerja-pekerja kita tidak sanggup mengikuti

kursus-kursus latihan maka kita mungkin terpaksa terus mendirikan industri-industri yang menggunakan tenaga pekerja yang banyak. Untuk menampung keperluan ini kita mungkin terpaksa mengimport pekerja-pekerja asing.

13. Sementara kita berusaha melatih pekerja-pekerja "high-tech", saya ingin menyeru pekerja-pekerja Malaysia yang sekarang bekerja di luar negeri supaya balik bekerja di sini. Saya yakin upah mereka akan mencukupi. Lagipun sara hidup di Malaysia adalah jauh lebih rendah yang mana walaupun upah mereka rendah daripada di negara asing, tetapi daripada segi "purchasing power" atau kuasa membeli ia masih lebih baik.

14. Kita tidak boleh mendesak Kerajaan jangan membenarkan pekerja asing datang ke sini jika kita tidak menghargai kawalan kerja oleh Kerajaan dan sebaliknya kita pergi bekerja di negara lain. Amatlah memalukan jika kita menyeludup diri ke negara lain untuk mencari pekerjaan di mana layanan kepada kita tidak lebih daripada penjenayah.

15. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Hualon di atas kejayaannya mendirikan kilang ini dan bagi pihak semua yang hadir diucapkan juga selamat berjaya kepada Hualon. Adalah juga diharapkan bahawa Malaysia akan terus menjadi pilihan pertama Hualon atau mana-mana pihak yang mencari peluang pelaburan.

16. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Hualon kerana telah membantu membawa Malaysia ke arah industri kain/tekstil yang lebih maju dan terkini.

17. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Kilang Hualon Corporation (M) Sdn. Bhd.